

TARIKH : 5 JUN 2020  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : M/S 4

*Pelan Pemulihian Ekonomi Jangka Pendek*

# Tumpu tiga matlamat utama

**Kerajaan fokus semua aspek bina semula ekonomi inklusif, berdaya tahan**

**Kuala Lumpur:** Langkah pertama bagi menyelesaikan masalah adalah dengan menyediakan bahawa ia wujud - pandemik, impak ekonomi yang menjasaskan dan keperluan bagi kerajaan untuk menangani dari segenap sudut yang mungkin bagi membina semula ekonomi yang inklusif dan berdaya tahan.

Petang ini, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dijadual mengumumkan Pelan Pemulihian Ekonomi (ERP) Jangka pendek yang menumpukan kepada tiga matlamat utama laju memperkasakan rakyat, merancakkan pernilagaan dan merangsang ekonomi, yang akan membawa kepada landasan pemulihian dan pertumbuhan.

Sebelum ini, kerajaan melakukan apa yang perlu untuk membendung penularan virus membawa maut itu dan menyediakan sokongan kepada ekonomi menerusi Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat bernilai RM299 billion.

La berjaya mengekang penularan apabila kes jangkitan kebangkitan kembali dalam dua angka sekarang, membina daya tahan

menerusi paket rangsangan dan membuka semula ekonomi di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan 70 peratus daripada tenaga kerja kembali bekerja.

Dalam paket rangsangan itu, menerusi Bantuan Prihatin Nasional (BPN), moratorium pinjaman subsidi upah serta jaminan makanan, RM45.1 billion diagihkan dan RM14 billion dibelanjakan bagi rakyat.

Bagaimanapun, sektor seperti pelancongan, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perniagaan masih terjejas, yang memerlukan bantuan berterusan daripada kerajaan bagi proses pemulihian.

Kerajaan menyedari bahawa mengurangkan jumlah kes dan pemberian jangka pendek semata-mata tidak mencukupi. Jaminan pekerjaan dan beroperasi dengan selamat dalam norma baharu adalah antara jaminan yang rakyat harapkan daripada kerajaan sekarcara.

Pendek kata, pengangguran adalah istu utama dalam apa juga krisis dan menurut sumber industri yang menghadiri pelbagai perbincangan dengan Kementerian Kewangan, kerajaan memberikan keutamaan dalam memastikan pekerjaan terus dikekalkan, terutama dalam melahir dan melatih semula pekerja.

Sementara itu, Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Aziz sejak beberapa minggu lalu sudah bertemu dengan hampir semua sektor, termasuk seni dan

budaya serta pendidikan bagi menilai keperluan yang diperlukan dan langkah yang diharapkan daripada kerajaan di bawah ERP jangka pendek.

"Antara topik yang dibincangkan adalah mengenai perlindungan pekerja, pengangguran, perkara yang berkaitan dengan gaji, kemahiran dan latihan semula. Kerajaan akan meneruskan usaha kami dalam menjaminkan kebajikan tenaga kerja melalui ERP," katanya menerusi laman twitter beliau, [@zafrul\\_aziz](#).

Kadar pengangguran di Malaysia 3.5 peratus pada suku pertama 2020, masih rendah berbanding 5.3 peratus di Filipina, New Zealand (4.2 peratus) dan Sepanyol (4.41 peratus).

Pengangguran Malaysia berada pada 3.3 peratus suku keempat 2019.

Dalam pengumuman hari ini yang akan disiarkan secara langsung di TV3, RTM, BERNAMA TV dan Astro Awani, kerajaan juga dijangka mempelajarkan beberapa inisiatif bagi menarik pelaburan langsung asing ke Malaysia, memudahkan urusan perniagaan dan yang paling penting, memperkemasaskan lagi proses se dia ada.

Banyak perniagaan berdepan dengan isu aliran tunai, perkara ini juga dijangka akan diberi perimbangan oleh kerajaan dalam ERP, khususnya bagi membantu PKS.

Industri pembinaan, hartanah dan automotif juga akan diberi keutamaan, memandangkan ke-

pentingannya dalam membina keyakinan pengguna serta pelabur ke arah meletakkan kembali ekonomi pada landasannya.

Pendigitalan pula adalah bidang baharu yang mendapat banyak perhatian baru-baru ini dan kepentingannya terbukti bagi membolehkan pernilagaan terus beroperasi selepas berakhir pandemik COVID-19, oleh itu, beberapa inisiatif baharu turut dijangka diberikan, terutama kepada PKS untuk mempercepat transformasi pernilagaan.

Selain memenuhi keperluan bagi peringkat makro, kerajaan juga akan menyediakan inisiatif yang akan membantu golongan wanita, keluarga, orang kurang upaya serta penjagaan kanak-kanak dalam normal baharu.

Daripada kebanyakannya inisiatif itu, perkongsian awam swasta (PPP) dijangka memainkan peranan utama dalam membina daya tahan negara dan mengekalkan pertumbuhan.

Walaupun peruntukan kerajaan yang akan diumumkan hari ini serta impak kepada deficit belanjawan belum diketahui, ini adalah waktunya untuk belanjawan peringkaman di tengah-tengah sebarisan ekonomi global.

Malaysia mencatatkan deficit perdagangan pertama pada Oktober 2007 berikutan eksport yang menguncup lebih cepat berbanding import, dan la adalah pertunjuk jelas kepada keadaan suram dan impak daripada koronavirus (COVID-19) yang merentaskan ekonomi.

Negara perdagangan, Malaysia merekodkan lebihan dagangan selama 269 bulan berturut-turut.

Kemerosotan itu bukan sahaja membabitkan Malaysia atau rantau ini, malah kepada ekonomi global di mana menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), ia akan menguncup sehingga 3.3 peratus pada tahun ini.

Bank Negara Malaysia (BNM) mengurangkan ekonomi menyusut sehingga dua peratus atau naik sedikit sebanyak 0.5 peratus tahun ini, manakala beberapa ahli ekonomi menjangkakan kemerosotan sehingga empat peratus.

Sebagian daripada pemuliharan berkenaan ujian jangka dapat dilihat pada 2021 dengan pertumbuhan global mencecah 5.8 peratus, menurut IMF, namun untuk menjadikan Malaysia sebagai sebahagian daripada pertumbuhan ini, ia kini perlu melaksanakan semua langkah dan kekal di landasan untuk mengharungiinya.

ERP Jangka Pendek adalah fasa keempat daripada enam fasa usaha Malaysia iaitu Resolve (ketegaran), Resilience (ketahanan), Restart (pembukaan semula), Recovery (pemulihran), Revitalise (merancakkan semula) dan Reform (GR) bagi menangani isu kesihatan dan ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Fasa seterusnya, iaitu Revitalise (merancakkan semula) dijangka terkandung dalam Belanjawan 2021.

BERNAMA